

**i. Apakah Promosi “Cabutan Bertuah Bayaran Balik, Bayar Dan Menang PTPK Tahun 2019”?**

Promosi “Cabutan Bertuah, Bayar dan Menang PTPK 2019” merupakan satu inisiatif PTPK dalam menghargai peminjam-peminjam PTPK yang telah berjaya membuat bayaran balik pinjaman PTPK. Pada tempoh promosi ini, Peminjam yang membuat bayaran secara penyelesaian penuh pinjaman mereka, dengan baki akaun semasa minimum RM100.00, secara automatik akan layak untuk satu penyertaan cabutan bertuah bagi merebut hadiah-hadiah lumayan.

**ii. Siapa yang layak?**

- Semua Pemegang Akaun Pinjaman PTPK / Waris Pemegang Akaun Pinjaman PTPK (jika telah meninggal dunia) layak secara automatik menyertai promosi ini. Tiada sebarang borang penyertaan diperlukan.
- Peminjam/Penjamin yang membuat bayaran balik pinjaman secara penyelesaian penuh (*Full Settlement*) ke atas akaun pinjaman yang berbaki minimum RM100.00 menggunakan mana-mana saluran pembayaran rasmi PTPK termasuk pembayaran di Kaunter Luar Premis PTPK dan Kaunter UTC PTPK.
- Akaun pinjaman yang belum mempunyai jadual bayaran balik turut layak dipertimbangkan sekiranya membuat pembayaran penuh baki pinjaman.

**iii. Berapa lama promosi ini dilangsungkan?**

Promosi bermula pada 1 Julai 2019 dan berakhir pada 30 September 2019. Pembayaran tersebut perlu diterima oleh pihak PTPK selewat-lewatnya pada 30 September 2019. Sebarang tarikh transaksi selepas pada tarikh berkenaan tidak layak untuk dipertimbangkan bagi menyertai program ini. Nama pemenang akan diumumkan bila-bila masa selepas tarikh tutup penyertaan dan keputusan adalah muktamad.

**iv. Bagaimanakah ingin menyertai program cabutan bertuah?**

Penyertaan adalah automatik kepada Peminjam yang membuat bayaran balik pinjaman secara penyelesaian penuh (*Full Settlement*) dengan baki semasa minimum berjumlah RM100.00 pada 1 transaksi bayaran balik. Walau bagaimanapun peminjam digalakkan untuk mendapatkan pengesahan baki pinjaman untuk mendapatkan jumlah keseluruhan baki pinjaman yang tepat dan borang tersebut boleh didapati melalui laman sesawang PTPK iaitu [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my).

v. **Berapa banyak penyertaan boleh saya sertai?**

Penyertaan hanya boleh disertai satu kali sahaja untuk satu Kad Pengenalan ATAU Penyertaan mengikut Akaun, lebih banyak akaun yang dibuat Penyelesaian penuh, lagi tinggi peluang untuk menang.

Penyertaan terbuka kepada setiap akaun pinjaman peminjam

vi. **Apakah saluran bayaran balik yang boleh saya lakukan untuk membuat pembayaran penuh tersebut?**

SALURAN	AGENSI / EJEN		CAJ PERKHIDMATAN
Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat PTPK</li> <li>Bank Simpanan Nasional</li> <li>Pos Malaysia Berhad</li> <li>Bank Rakyat</li> <li>UTC (Sarawak, Sabah, Pahang, Kedah, Johor, Melaka, Perak)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat PTPTN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada</li> <li>RM1.00</li> <li>RM1.70</li> <li>RM0.50</li> </ul>
Perbankan Internet (Online)	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>CIMB Bank Berhad</b> (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li> <li><b>Maybank</b> (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li> <li><b>MyBSN</b> (<a href="http://www.mybsn.com.my">www.mybsn.com.my</a>)</li> <li><b>Bank Islam</b> (<a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Pos Online</b> (<a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>)</li> <li><b>Bank Rakyat</b> (<a href="http://www.irakyat.com.my">www.irakyat.com.my</a>)</li> <li><b>My Government</b> (<a href="http://www.malaysia.gov.my">www.malaysia.gov.my</a>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM0.50</li> </ul>
Pengeluaran Wang KWSP (Akaun II)	* Hanya layak kepada Peminjam <b>Tahap 4</b> (Diploma Kemahiran Malaysia), dan <b>Tahap 5</b> (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia) <b>SAHAJA</b> .		-
Potongan Gaji	* Melalui Majikan - Borang permohonan boleh dimuat turun di laman sesawang PTPK		-
Automatic Teller Machine (ATM) / Cash Deposit Machine (CDM)	* Bank Islam (Pemegang Akaun Sahaja)		-

vii. **Apakah tindakan yang perlu saya ambil selepas membuat pembayaran penuh baki pinjaman**

Peminjam hendaklah membuat kemas kini maklumat peribadi secara atas talian (On-Line) pada ruang maklum balas laman sesawang rasmi PTPK [www.ptpk.gov.my](http://www.ptpk.gov.my), e-mel [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my) atau menghubungi PTPK di

talian 03-4047 6200 bagi memastikan kelayakan tidak terbatal selepas 3 bulan dari tarikh keputusan sekiranya PTPK tidak dapat mengesan/menghubungi peminjam.

**viii. Siapakah yang tidak layak untuk menyertai program ini?**

- i. Kakitangan PTPK dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- ii. Kategori terimaan Akaun Gantung atau tidak dikenal pasti;
- iii. Post Dated Cheque yang dibayar dan belum matang;
- iv. Cek Tendang;
- v. Pampasan insurans oleh syarikat insurans bagi kes hapus kira dan ilat;
- vi. Pemulangan Yuran oleh Penyedia Latihan bagi kes batal baki;
- vii. Penerima tajaan/ biasiswa; dan
- viii. Peminjam di bawah tindakan insolvensi Unit Undang-Undang PTPK.

**ix. Bagaimanakah pemenang dipilih?**

Pemenang akan dipilih secara cabutan oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dilantik oleh pihak Perbadanan. Keputusan Pemenang adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

**x. Bagaimana pemenang akan diumumkan?**

Pemenang akan dihubungi oleh pihak PTPK melalui panggilan telefon/SMS/e-mel, paparan di laman sesawang rasmi PTPK dan juga pengumuman di Laman Media Sosial Rasmi PTPK, oleh yang demikian, Peminjam diwajibkan membuat kemas kini maklumat peribadi bagi membolehkan pihak PTPK menghubungi. Kegagalan mengemas kini maklumat peribadi akan menyebabkan kemenangan terbatal.

**xi. Apakah hadiah yang ditawarkan?**

- a. Hadiah utama adalah sebuah Motosikal;
- b. Telefon Pintar;
- c. Komputer Riba ;dan
- d. Sagu Hati.

- PTPK mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda syarat penyertaan, tempoh kempen dan hadiah ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.

**xii. Adakah saya layak menyertai untuk menyertai promosi ini sekiranya membuat bayaran balik sebelum tarikh promosi?**

Tidak layak.

## 5. MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

- i. Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran  
Kementerian Sumber Manusia  
Aras 12C, 15,16,17,18,19 dan 27, Menara Dato' Onn  
Pusat Dagangan Dunia Putra  
No 45 Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-4047 6200 atau emel ke [bpbb@ptpk.gov.my](mailto:bpbb@ptpk.gov.my)
  
- ii. Pejabat wilayah/UTC:
  - a. **Pejabat UTC Kuala Lumpur**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
T2-08, Bangunan UTC Kuala Lumpur,  
Jalan Pudu (Pudu Sentral)  
50550 Kuala Lumpur.
  
  - b. **Pejabat Wilayah Utara**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
LA 22 (UTC 50), Aras 3 Bangunan UTC Perak,  
Jalan Dato' Onn Jaafar  
30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
  
  - c. **Pejabat Wilayah Timur**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
NO 1-4, Aras 1  
UTC Pahang, Jalan Stadium,  
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur
  
  - d. **Pejabat Wilayah Sarawak**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
Aras 1, Tingkat 4 UTC Sarawak,  
Taman Kereta, Jalan Bukit Mata,  
93100 Kuching, Sarawak.
  
  - e. **Pejabat Wilayah Selatan**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
Pusat JobsMalaysia UTC Johor,  
L2-UTC-03, Galleria @ Kotaraya, Jalan Trus,  
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
  
  - f. **Pejabat Wilayah Sabah**  
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
Tingkat 9, M9-3 Menara UTC Sabah.  
Jalan Belia, Off Jalan Tunku Abdul Rahman  
88000 Kota Kinabalu, Sabah

**g. Pejabat UTC Melaka**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
Suite 4-03, Aras 4 Bangunan UTC Melaka  
Jalan Hang Tuah  
75300 Melaka

**h. Pejabat UTC Kedah**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)  
U-9 UTC, Tingkat 4 Bangunan UTC Kedah,  
Kompleks MBAS, Jalan Kolam Air  
05675 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Facebook: [www.facebook.com/ptpkonline](http://www.facebook.com/ptpkonline)

Twitter : [http://twitter.com/PTPK\\_Official](http://twitter.com/PTPK_Official)